

1. "Usahlah _____ gentar akan kemampuan mereka," kata Cikgu Husin kepada para _____ lain pasukan bola sepak sekolahnya.

- ☐ A kami
- ☐ B awak
- ☐ C kalian
- ☐ D mereka

2. "Terima kasih kerana sudi hadir ke majlis perkahwinan _____ pada hari ini," kata Lee Kuan kepada tetamunya.

- ☐ A kita
- ☐ B beta
- ☐ C saya
- ☐ D kami

3. "_____ akan mencari akar-akar kayu sebagaimana yang dikehendaki oleh tuanku," sembah lelaki tua itu kepada Sultan Ibrahim.

- ☐ A Beta
- ☐ B Patik
- ☐ C Kami
- ☐ D Hamba

4. Sultan Mahmud dan permaisuri _____ berkenan untuk menerima menghadap duta asing dari negara Timur Tengah itu.

- ☐ A dia
- ☐ B beliau
- ☐ C mereka
- ☐ D baginda

5. Sultan Ismail tidak dapat mencemar duli ke majlis itu kerana _____ gering.

- ☐ A dia
- ☐ B beliau
- ☐ C mereka
- ☐ D baginda

6. Logo halal yang tertera pada label produk makanan itu telah diluluskan oleh _____.

- ☐ A JAIS
- ☐ B JAWI
- ☐ C JAKIM
- ☐ D JARING

7. Sekiranya ada _____ masalah, saudari boleh menghubungi saya pada waktu bekerja.

- ☐ A apa
- ☐ B apa-apa
- ☐ C siapa-siapa
- ☐ D mana-mana

8. "_____kah yang terpilih mewakili sekolah dalam pertandingan pingpong?" tanya _____ kepada Lisa.

- ☐ A Apa
- ☐ B Mana
- ☐ C Siapa
- ☐ D Siapa-siapa

9. "Ibu, _____ ingin menyertai lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur bulan depan," kata adik-beradik kembar itu kepada Puan Dania.

- ☐ A kita
- ☐ B kami
- ☐ C saya
- ☐ D kalian

10. "_____ ialah utusan daripada Sultan Melaka, _____," sembah Hang Tuah ketika menghadap Sultan Johor.

- ☐ A Patik ... tuanku
- ☐ B Patik ... baginda
- ☐ C Hamba ... tuanku
- ☐ D Hamba ... baginda

11. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



"Usahlah _____ bimbang kerana makanan yang disediakan ini cukup untuk menjamu semua tetamu yang hadir," kata Pak Long Halid kepada Amin.

- ☐ A anda
- ☐ B kamu
- ☐ C kalian
- ☐ D tuanku

12. "_____ amat berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan dan bersedia untuk memikul amanah yang besar ini," kata ketua penduduk itu.

- ☐ A Kita
- ☐ B Beta
- ☐ C Kami
- ☐ D Saya

13. "_____lah yang akan mengiringi tuanku ke Bentan," kata Laksamana Tun Perak.

- ☐ A Beta
- ☐ B Saya
- ☐ C Patik
- ☐ D Hamba

14. Zalif menggunakan Lebuhraya _____ untuk pulang ke kampung di Ipoh, Perak.



- ☐ A LRT
- ☐ B MRT
- ☐ C PLUS
- ☐ D SPRINT

15. "Sebagai anak sulung, _____ mesti menunjukkan teladan yang baik kepada adik-adik," tegur Encik Bahari kepada anaknya.

- ☐ A anda
- ☐ B kamu
- ☐ C mereka
- ☐ D tuan hamba

16. "_____ perlu menangani masalah yang dihadapi dengan tenang," nasihat guru itu kepada muridnya.

- ☐ A Kita
- ☐ B Kamu
- ☐ C Engkau
- ☐ D Mereka

17. "Ada khabar gembira yang ingin _____ sampaikan," kata Tun Perak kepada Sultan Mahmud.

- ☐ A aku
- ☐ B saya
- ☐ C patik
- ☐ D hamba

18. "_____ selalu juga ke sungai itu untuk memancing ikan," kata Gan Lim dan Kumar kepada Borhan.

- ☐ A Kita
- ☐ B Kami
- ☐ C Kamu
- ☐ D Engkau

19. _____ sedang bergotong-royong membersihkan padang permainan itu yang dicemari sampah sarap.

- ☐ A Kita
- ☐ B Beta
- ☐ C Kalian
- ☐ D Mereka

20. _____ sering menganjurkan program pendidikan kesihatan untuk masyarakat seperti program penjagaan gigi dan mulut dan demonstrasi makanan sihat.

- ☐ A kementerian kesihatan Malaysia
- ☐ B Kementerian kesihatan Malaysia
- ☐ C kementerian Kesihatan Malaysia
- ☐ D Kementerian Kesihatan Malaysia